



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 21 Februari 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
 Unit Komunikasi Korporat  
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Cadangan Wujud Jabatan Khas Lindungi Kanak-Kanak Akan Dikemukakan Semula – Nancy</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-wujud-jabatan-khas-lindungi-kanakkanak-akan-dikemukakan-semula-nancy-407412">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-wujud-jabatan-khas-lindungi-kanakkanak-akan-dikemukakan-semula-nancy-407412</a></p> <p><a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/02/20/nancy-shukri-proposal-for-special-child-protection-dept-to-be-presented-again-to-cabinet/55892">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/02/20/nancy-shukri-proposal-for-special-child-protection-dept-to-be-presented-again-to-cabinet/55892</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/20/cabinet-to-get-fresh-proposal-for-special-child-protection-unit/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/20/cabinet-to-get-fresh-proposal-for-special-child-protection-unit/</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/21/nancy-to-fight-harder-for-a-childrens-welfare-dept">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/21/nancy-to-fight-harder-for-a-childrens-welfare-dept</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malay Mail</p> <p>FMT</p> <p>The Star</p>	Neutral

<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2166092">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2166092</a>	<b>Bernamea</b>
<a href="https://www.malaysiakini.com/news/655790">https://www.malaysiakini.com/news/655790</a>	<b>Malaysia Kini</b>
<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/881924/proposal-special-child-protection-dept-be-presented-again-friday">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/881924/proposal-special-child-protection-dept-be-presented-again-friday</a>	<b>NST</b>
<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246116/berita-nasional/kementerian-cadang-tubuh-jabatan-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/246116/berita-nasional/kementerian-cadang-tubuh-jabatan-kanak-kanak</a>	<b>Sinar Harian</b>
<a href="https://tvstv.my/2023/02/20/jabatan-kanak-kanak-perlu-diwujudkan-nancy/">https://tvstv.my/2023/02/20/jabatan-kanak-kanak-perlu-diwujudkan-nancy/</a>	<b>TVSTV</b>
<a href="https://merdeka.org/v2/nancy-to-resubmit-child-protection-dept-proposal-to-cabinet/">https://merdeka.org/v2/nancy-to-resubmit-child-protection-dept-proposal-to-cabinet/</a>	<b>Merdeka. Org</b>
<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak/</a>	<b>Utusan</b>
<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/pusat-temu-duga-kanak-kanak-mangsa-rogol-dera-perlu-ditambah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/pusat-temu-duga-kanak-kanak-mangsa-rogol-dera-perlu-ditambah/</a>	<b>Utusan</b>
<a href="https://www.thesundaily.my/home/cadangan-wujud-jabatan-khas-lindungi-kanak-kanak-akan-dikemukakan-semula-nancy-HB10660263">https://www.thesundaily.my/home/cadangan-wujud-jabatan-khas-lindungi-kanak-kanak-akan-dikemukakan-semula-nancy-HB10660263</a>	<b>The Sun Daily</b>
<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938033/pdrm-mahu-tambah-cic-di-sabah-sarawak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938033/pdrm-mahu-tambah-cic-di-sabah-sarawak</a>	<b>Harian Metro</b>
<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/429126">https://www.themalaysianinsight.com/s/429126</a>	<b>The Malaysian Insight</b>
<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/20/kpwkm-kemuka-semula-cadangan-penubuhan-jabatan-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/2023/02/20/kpwkm-kemuka-semula-cadangan-penubuhan-jabatan-kanak-kanak/</a>	<b>The Malaysian Insight</b>
<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57754-penubuhan-jabatan-kanak-kanak-usul-dibawa-semula-ke-kabinet">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/57754-penubuhan-jabatan-kanak-kanak-usul-dibawa-semula-ke-kabinet</a>	<b>Berita RTM</b>
<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/kpwkm-usulkan-lagi-penubuhan-jabatan-kanak-kanak-jumaat-">https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/kpwkm-usulkan-lagi-penubuhan-jabatan-kanak-kanak-jumaat-</a>	<b>Kosmo</b>

	<p><a href="#"><u>ini/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=kpwkm-usulkan-lagi-penubuhan-jabatan-kanak-kanak-jumaat-ini</u></a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=AnMaeggpha4"><u>https://www.youtube.com/watch?v=AnMaeggpha4</u></a></p> <p><a href="https://themerdekaitimes.com/news/2023/02/kpwkm-cadang-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak/"><u>https://themerdekaitimes.com/news/2023/02/kpwkm-cadang-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak/</u></a></p> <p><a href="https://melaysiakini.com/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak-78386.html"><u>https://melaysiakini.com/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak-78386.html</u></a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak-35628561"><u>https://headtopics.com/my/kpwkm-ketengah-cadangan-kali-kedua-tubuh-jabatan-kanak-kanak-35628561</u></a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938015/kpwkm-tegas-tangani-isu-jenayah-terhadap-kanak-kanak"><u>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938015/kpwkm-tegas-tangani-isu-jenayah-terhadap-kanak-kanak</u></a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=XghoUsVQooU"><u>https://www.youtube.com/watch?v=XghoUsVQooU</u></a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-cadang-semula-penubuhan-jabatan-kanak-kanak/"><u>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-cadang-semula-penubuhan-jabatan-kanak-kanak/</u></a></p>	<p><b>Buletin Pertiwi</b></p> <p><b>The Merdeka Times</b></p> <p><b>Malaysia Kini</b></p> <p><b>Head Topics</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Buletin TV3</b></p> <p><b>Buletin TV3</b></p>	
2	<p><b>Kanak-kanak lemas di homestay milik keluarga</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lemas-di-homestay-milik-keluarga-407360"><u>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lemas-di-homestay-milik-keluarga-407360</u></a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/02/kanak-kanak-lemas-tertiarap-dalam-kolam-renang/"><u>https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/02/kanak-kanak-lemas-tertiarap-dalam-kolam-renang/</u></a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/kanak-kanak-lemas-di-inap-desa-milik-keluarga/"><u>https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/kanak-kanak-lemas-di-inap-desa-milik-keluarga/</u></a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938031/budak-dua-tahun-lemas-di-kolam-inap-desa"><u>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938031/budak-dua-tahun-lemas-di-kolam-inap-desa</u></a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-perempuan-ditemukan-lemas-di-kolam-renang/"><u>https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-perempuan-ditemukan-lemas-di-kolam-renang/</u></a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2166068"><u>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2166068</u></a></p>	<p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Utusan</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Melaka Hari Ini</b></p> <p><b>Bernamea</b></p>	<b>Negatif</b>

	<a href="https://www.buletintv3.my/kemalangan/kanak-kanak-perempuan-lemas-di-kolam-renang-inap-desa/">https://www.buletintv3.my/kemalangan/kanak-kanak-perempuan-lemas-di-kolam-renang-inap-desa/</a>	Buletin TV3	
3	<p>Pujukan Anggota Bomba Selamatkan Wanita Cuba Bunuh Diri</p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/pujukan-anggota-bomba-selamatkan-wanita-cuba-bunuh-diri/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/pujukan-anggota-bomba-selamatkan-wanita-cuba-bunuh-diri/</a></p> <p><a href="https://dayakdaily.com/bomba-selamatkan-wanita-dari-tingkat-3-sebuah-bangunan-di-bintulu/">https://dayakdaily.com/bomba-selamatkan-wanita-dari-tingkat-3-sebuah-bangunan-di-bintulu/</a></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/2023/02/bomba-gagalkan-cubaan-wanita-bunuh-diri-di-bangunan-li-hua-plaza-bintulu/">https://suarasarawak.my/2023/02/bomba-gagalkan-cubaan-wanita-bunuh-diri-di-bangunan-li-hua-plaza-bintulu/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Dayak Daily</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral
4	<p>Ibu tunggal alami pendarahan otak bimbang masa depan tiga anaknya</p> <p><a href="https://bebasnews.my/2023/02/20/ibu-tunggal-alami-endarahan-otak-masa-depan-tiga-anaknya/">https://bebasnews.my/2023/02/20/ibu-tunggal-alami-endarahan-otak-masa-depan-tiga-anaknya/</a></p>	Bebas News	Neutral
5	<p>Warga emas maut dirempuh ketika melintas</p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/warga-emas-maut-dirempuh-ketika-melintas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/warga-emas-maut-dirempuh-ketika-melintas/</a></p> <p><a href="https://melaysiakini.com/warga-emas-maut-dirempuh-ketika-melintas-78361.html">https://melaysiakini.com/warga-emas-maut-dirempuh-ketika-melintas-78361.html</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Melaysian Kini</p>	Neutral
6	<p>Warga emas strok rayu pencen ilat</p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246223/edisi/melaka-ns/warga-emas-strok-rayu-pencen-ilat">https://www.sinarharian.com.my/article/246223/edisi/melaka-ns/warga-emas-strok-rayu-pencen-ilat</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/937921/demi-isteriku-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/937921/demi-isteriku-metrotv</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

## CADANGAN WUJUD JABATAN KHAS LINDUNGI KANAK-KANAK AKAN DIKEMUKAKAN SEMULA – NANCY

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cadangan-wujud-jabatan-khas-lindungi-kanakkanak-akan-dikemukakan-semula-nancy-407412>

Sumber : Astro Awani



*Nancy (tengah) ketika beliau mengadakan lawatan ke Pusat Temuduga Kanak-Kanak Bukit Aman hari ini. - Foto BERNAMA*

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengemukakan semula cadangan penubuhan jabatan khas bagi melindungi kanak-kanak termasuk melibatkan jenayah dan penderaan terhadap mereka, dalam mesyuarat Kabinet pada Jumaat ini.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata cadangan itu pernah ditolak Kabinet sebelum ini kerana membabitkan peruntukan yang terlalu besar, namun kali ini saranan itu bersifat lebih holistik dan diharap dapat diberi pertimbangan sewajarnya.

"Pada Jumaat ini sebelum pembentangan Belanjawan 2023, saya sekali lagi akan mengemukakan cadangan ini dan kita akan terus mendesak bagi mewujudkan jabatan ini," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Pusat Temu Duga Kanak-Kanak (CIC), di sini, hari ini. Menyentuh mengenai lawatannya itu, Nancy mendapati Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat memerlukan peralatan terkini dan penambahan kakitangan bagi menangani kes-kes jenayah di bawah Jabatan Siasatan Jenayah (D11).

"Kita dapati D11 memerlukan peralatan komputer terkini dan berteknologi tinggi selain sistem yang dikemas kini melibatkan penyimpanan data yang besar dan canggih bagi menangani kes-kes antaranya jenayah pornografi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata PDRM bercadang untuk menambah bilangan CIC yang ketika ini mempunyai 14 pusat di seluruh negara.

"PDRM bercadang untuk menambah masing-masing dua di Sarawak dan Sabah manakala satu lagi di Pahang kerana keadaan demografi negeri tersebut yang besar," katanya.

CIC diwujudkan sejak 2002 sebagai pusat di bawah kendalian Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-Kanak PDRM bagi mengambil keterangan kanak-kanak yang menjadi mangsa kes jenayah seperti rogol dan penderaan.

## **KANAK-KANAK LEMAS DI HOMESTAY MILIK KELUARGA**

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lemas-di-homestay-milik-keluarga-407360>

**Sumber : Astro Awani**



**JASIN:** Seorang kanak-kanak perempuan ditemui lemas ketika bermandi manda di kolam renang sebuah inap desa (homestay) di Kampung Pulai, Merlimau pada Ahad.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.50 pagi itu, mangsa Auni Falisha Muhammad Firdaus yang berusia tiga tahun itu dikatakan pergi ke inap desa yang berhampiran kediamannya bersama abangnya yang berumur lima tahun.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Ahmad Jamil Radzi berkata, siasatan awal mendapati dua beradik itu berjalan kira-kira 500 meter ke inap desa berkenaan tanpa pengetahuan ibu bapanya.

“Hasil siasatan mendapati mangsa bersama abangnya yang berumur lima tahun telah berjalan kaki ke kolam renang yang jaraknya lebih kurang 500 meter dari rumah mereka tanpa sebarang pengetahuan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.

“Kolam renang itu adalah hak milik ahli keluarga si mati sendiri dan semasa kejadian didapati tiada pelanggan yang mengunjungi dan berada di kolam renang tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Mengulas lanjut katanya,kejadian itu disedari selepas abang mangsa pulang ke rumah dalam keadaan basah dan memaklumkan adiknya berada di kolam renang sendirian.

Ibunya kemudian menghubungi rakan sekerja dan meminta bantuan untuk pergi ke kolam renang tersebut bagi melihat keadaan kanak-kanak itu.

“Semasa rakan ibu bapanya tiba di kolam renang mendapati mangsa dalam keadaan tertiarap di dalam kolam renang dan tidak sedarkan diri.

“Pemeriksaan secara fizikal ke atas mayat mangsa mendapati tiada sebarang kesan perbuatan jenayah dan bedah siasat telah dilakukan,” tambahnya.

Ujarnya, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

## **PUJUKAN ANGGOTA BOMBA SELAMATKAN WANITA CUBA BUNUH DIRI**

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/20/pujukan-anggota-bomba-selamatkan-wanita-cuba-bunuh-diri/>

**Sumber : Kosmo**



BINTULU – Pujukan pasukan bomba berjaya menenangkan seorang wanita yang cuba membunuh diri di sebuah pusat beli belah di sini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata kejadian dilaporkan kira-kira pukul 1.25 petang tadi dan pihaknya segera menggerakkan seramai 11 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) serta empat anggota polis dan tiga anggota Rela ke lokasi.

“Setiba di lokasi mendapati seorang wanita berada di atas bangunan tiga tingkat sebuah pusat beli-belah, dengan kedudukan kaki menghala ke luar bangunan (bersedia terjun).

“Pasukan penyelamat kemudian cuba memujuk mangsa dan kira-kira 27 minit kemudian, wanita itu berjaya diselamatkan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya setelah berjaya ditenangkan, wanita berusia 44 tahun itu kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya. – KOSMO! ONLINE

## **IBU TUNGGAL ALAMI PENDARAHAN OTAK BIMBANG MASA DEPAN TIGA ANAKNYA**

<https://bebasnews.my/2023/02/20/ibu-tunggal-alami-pendarahan-otak-masa-depan-tiga-anaknya/>

**Sumber : Bebas News**



**KLANG** — Seorang ibu tunggal yang mengalami pendarahan otak selain sakit jantung dan diabetes bimbang dengan masa depan tiga orang anaknya iaitu dua lelaki dan seorang perempuan berusia tujuh, 10 dan 17 tahun.

Menurut Halimah Saidin, 39, dari Pangsapuri Sri Ayu Bandar Putera di sini, dia mula sakit dan tidak mampu bekerja memandu bas sekolah setelah rebah lima tahun lalu di rumahnya.

“Akibat insiden itu saya dimasukkan ke hospital dan dikesan mengalami pendarahan dalam otak.

“Selepas itu kesihatan saya semakin merosot dan saya tidak mampu bergerak cergas seperti dulu dan sebagai seorang ibu tunggal saya bimbang dengan nasib anak saya,” kata beliau ketika ditemui Aktivis Sosial, Muhammad Alif Syamrin Abdullah di sini.

Halimah yang berasal dari Bagan Ajam Pulau Pinang berkata, dalam pemeriksaan kesihatan terbaharu, penglihatannya juga didapati semakin akibat komplikasi diabetes dan dinasihatkan membuat pemeriksaan lanjut bagi sakit kanser di bahagian otak.

Beliau mengakui Lembaga Zakat Selangor (LZS) ada memberi bantuan sewa rumah sebanyak RM350 dan bantuan sara hidup sebanyak RM400 setiap bulan tetapi perbelanjaan keluarga perlu dicatu untuk ia cukup selama sebulan.

Doktor ada menasihatkan saya untuk makan ubat tambahan bernilai RM400 tetapi saya tidak mampu.

“Dalam keadaan sekarang perbelanjaan keluarga diperlukan antara RM1,500 hingga RM2,000. Macam mana saya hendak membeli ubat tambahan,”ujarnya.

Halimah yang sebelum ini mengusahakan sambal bilis Pahang berkata, tidak lama lagi dia perlu membuat pembedahan bagi membetulkan saluran makanan di bahagian leher.

Jelasnya lagi, anak perempuan yang bongsu turut mempunyai masalah injap jantung dan perlu dibedah apabila berusia 16 tahun.

“Pada masa ini anak sulung saya bercuti setahun kerana menjaga saya di rumah. Tahun ini baru dia bersekolah semula untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),”ujarnya.

Orang ramai yang ingin membantu keluarga tersebut boleh menyumbang dalam akaun Maybanknya bernombor 1622 1854 2279 atas nama Halimah Saidin.

## **WARGA EMAS MAUT DIREMPUH KETIKA MELINTAS**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/warga-emas-maut-dirempuh-ketika-melintas/>

**Sumber : Utusan**



**SUNGAI PETANI:** Seorang wanita warga emas maut dilanggar sebuah kereta ketika melintas jalan untuk pulang ke rumahnya di Kilometer 47, Jalan Alor Setar-Butterworth di Bedong, di sini malam tadi.

Dalam kejadian pada pukul 8.15 malam itu, mangsa, V. Veeramah, 64, yang tinggal di Lorong 3, India Camp, di sini maut di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan badan.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila sebuah kereta jenis Toyota Vios yang dipandu seorang lelaki berusia 27 tahun dari arah Sungai Lalang ke Gurun tidak sempat mengelak mangsa yang berjalan kaki di laluan.

“Rempuhan kuat itu menyebabkan mangsa terpelanting ke tengah jalan dan meninggal dunia serta-merta. Pemandu kereta yang dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Gurun tidak mengalami sebarang kecederaan.

Katanya, mayat mangsa dihantar untuk proses saringan Covid-19 serta bedah siasat di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), di sini dan kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. –[UTUSAN](#)

## WARGA EMAS STROK RAYU PENCEN ILAT

<https://www.sinarharian.com.my/article/246223/edisi/melaka-ns/warga-emas-strok-rayu-pencen-ilat>

Sumber : Sinar Harian



**SEREMBAN -** Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

Itulah nasib menimpa seorang warga emas yang bukan saja tidak lagi mampu bekerja selepas diserang strok, malah perlu menjaga isteri yang kini berdepan masalah kehilangan memori.

Keadaan itu menyebabkan Mat Izam Mohd Kalam, 60, menagih pertimbangan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk meluluskan permohonannya mendapatkan pencen ilat.

Mat Izam berkata, dia membuat permohonan mendapatkan manfaat terbabit pada tahun 2019 selepas disahkan menghidap strok, malangnya ia ditolak.

"Berdasarkan keputusan jemaah doktor, saya dinyatakan masih berupaya untuk bekerja.

"Tapi dengan keadaan sebelah kiri strok, majikan mana yang mahu mengambil saya bekerja," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Sri Telawi di sini pada Ahad.

Ujar Mat Izam, dia bukannya meminta sedekah, sebaliknya meminta hak sebagai seorang pencarum.

Jelasnya, sepanjang bekerja sebagai penyelia di sebuah kilang besi di Sungai Buloh, Selangor, dia membuat caruman sebanyak RM65.40 setiap bulan.